

116

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff**
KAWASAN : **Rantau Panjang**
NO. SOALAN : **441**

SOALAN

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah import dan eksport minuman keras daripada negara kita serta jumlah dagangan yang berkaitan isu ini pada setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perdagangan Malaysia untuk minuman keras pada 2017 mencatatkan sebanyak RM4.13 bilion, kurang sebanyak 7% berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM4.44 bilion. Eksport minuman keras dari Malaysia mencatatkan penurunan sebanyak 4% daripada RM1.87 bilion pada tahun 2016 ke RM1.80 bilion pada tahun 2017. Antara produk yang dieksport ke luar adalah *beer from malt, stout and porter NE 5.8%* dan *whiskies*. Eksport utama produk minuman keras Malaysia adalah ke Negara Singapura, Viet Nam dan Thailand.

Import minuman keras ke Malaysia juga menurun sebanyak 9% daripada RM2.57 bilion pada tahun 2016 ke RM2.33 bilion pada tahun 2017. Antara produk yang diimport adalah *wine*, *rice wine* dan *sparkling wine*. Negara pengekspor utama produk minuman keras ke Malaysia adalah Perancis, United Kingdom dan juga Singapura.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah
[Subang]

TARIKH :

SOALAN

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan permit teksi/kereta sewa yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), mengikut jenis teksi (teksi biasa, teksi mewah dan lain-lain) dan kategori pemegang permit (individu, syarikat, persatuan dan lain-lain).

SOALAN 446

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan maklumat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), berikut adalah bilangan permit teksi mengikut kelas lesen dan jumlah pemegang permit mengikut jenis pemilikan.

Jumlah permit teksi mengikut kelas lesen adalah seperti berikut:

Bil	Kelas Lesen	Jumlah
1	Teksi	36,997
2	Kereta Sewa	15,674
3	Teksi Mewah/Limousin	769
5	Kereta Sewa Pandu Pelancongan (KSP)	9,086
6	Kereta Sewa Pandu Perdagangan	11,825
7	Teksi Lapangan Terbang	2,969
	Jumlah Keseluruhan	77,320

Sumber: Sistem SIKAP sehingga Januari 2018

SOALAN 446

Jumlah pemegang permit mengikut jenis pemilikan adalah seperti:

Bil	Jenis Syarikat	Jumlah
1	Syarikat	46,787
2	Individu	28,581
3	Koperasi	1,648
4	Persatuan	302
5	Badan Berkanun	2
	Jumlah Keseluruhan	77,320

Sumber: Sistem SIKAP sehingga Januari 2018

Sekian, terima kasih.

RT31/447

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
DARIPADA [SUBANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semua sekolah di mana Kementerian sekarang menjalankan Program DLP dan untuk setiap sekolah berapa murid dan kumpulan atau bilik kelas untuk setiap darjah; dan sekiranya ada aliran biasa dalam Bahasa Tamil dalam sekolah itu, berapa murid dan bilik kelas dalam setiap darjah dijalankan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program rintis *Dual Language Programme* (DLP) telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 (kohort 1) di 379 buah sekolah. Pada tahun 2017, sebanyak 836 sekolah (kohort 2) telah melaksanakan DLP. Manakala pada tahun 2018, sebanyak 151 buah sekolah (kohort 3) telah menyertai program ini. Jumlah sekolah (Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah menengah) yang melaksanakan DLP di Malaysia adalah sebanyak 1,366 buah sekolah.

116

Dari tahun 2016 sehingga 2018, terdapat sebanyak 666 sekolah rendah yang melaksanakan DLP. Bilangan kelas yang melaksanakan DLP adalah 1,818 buah kelas yang melibatkan 53,541 murid sekolah rendah yang mengikuti kelas DLP. Bilangan sekolah menengah yang melaksanakan DLP adalah 700 buah sekolah dan melibatkan 2,726 kelas yang melaksanakan DLP. Seramai 81,296 orang murid sekolah menengah yang mengikuti kelas DLP.

DLP telah mula dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada tahun 2017 yang melibatkan 45 buah sekolah. Bilangan kelas yang melaksanakan DLP adalah sebanyak 203 kelas yang melibatkan 5,893 orang murid yang mengikut kelas DLP.

RT31/447

SOALAN : 448

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L RASIAH (SUBANG)

RUJUKAN : 10701

SOALAN :

PR-1361-T02174

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk setiap penjara di Malaysia, jumlah had kapasiti setiap penjara dan jumlah banduan yang dikurung kini, dan sekiranya ada penjara yang telah melebihi kapasiti asal, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa kapasiti penjara di seluruh negara boleh menempatkan seramai 52,750 orang banduan. Dalam hal ini, rekod Jabatan Penjara Malaysia pada 26 Mac 2018 menunjukkan terdapat seramai 61,951 orang banduan yang sedang ditahan dan menjalani hukuman di semua penjara berkenaan. Oleh itu, bagi menangani masalah kesesakan di dalam penjara, beberapa langkah seperti berikut telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia:-

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;**
- ii. mempergiatkan pemulihan di luar penjara melalui pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan penyertaan banduan di Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 37,115 orang banduan;**
- iii. meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;**
- iv. mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan**

- v. **bekerjasama dengan pihak mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan bukan warganegara Malaysia yang telah selesai menjalani hukuman.**